

11 Disember 2025**Notis Penting: Penggabungan Terma Tawarruq ke dalam Terma dan Syarat 'CIMB 0% Easy Pay'**

Pemegang Kad Kredit CIMB yang dihormati,

Merujuk kepada Notis Penting bertarikh 21 November 2025 bertajuk "Penukaran Konsep Syariah kepada Tawarruq untuk semua Kad Kredit-i CIMB Islamic Bank Berhad", kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa konsep Syariah untuk semua Kad Kredit-i CIMB Islamic, termasuk perkhidmatan berkaitan yang kini di bawah konsep Ujrah, akan ditukar kepada konsep Tawarruq berkuat kuasa 1 Januari 2026.

Kami dengan ini memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar bahawa Terma dan Syarat Easy Pay CIMB 0% akan dipinda dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Untuk memudahkan rujukan, pindaan dalam klausa ditandakan dengan huruf tebal

Anda boleh melihat Terma dan Syarat yang telah dipinda sepenuhnya menjelang 1 Januari 2026.

Item	Klausa Sedia Ada	Klausa yang Diubah
Perenggan 2	"CIMB 0% Easy Pay" atau "EP" bermaksud pelan bayaran ansuran bulanan yang disediakan bagi Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad membayar balik/membayar amaun yang ditanggung untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan beliau ("Pembelian EP") daripada peniaga-peniaga yang diperakui oleh Bank menerusi bayaran balik/bayaran ansuran tanpa dikenakan sebarang caj kewangan / caj kemudahan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.	"CIMB 0% Easy Pay" atau "EP" bermaksud pelan bayaran ansuran bulanan yang disediakan bagi Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad membayar balik/membayar amaun yang ditanggung untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan beliau ("Pembelian EP") daripada peniaga-peniaga yang diperakui oleh Bank menerusi bayaran tanpa dikenakan sebarang caj kewangan / caj keuntungan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
Klausa 9	Bagi mengelakkan keraguan: (a) Bagi Kad yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad, Ansuran Bulanan EP adalah tertakluk kepada caj kewangan dan caj bayaran lewat dari tarikh Ansuran Bulanan EP diposkan ke Akaun Kad Mastercard dan/atau Visa Pemegang Kad mengikut Terma-Terma dan SyaratSyarat Pemegang Kad. (b) Bank merizabkan hak untuk mengubah atau menukar caj	Bagi mengelakkan keraguan: (a) Ansuran Bulanan EP adalah tertakluk kepada caj keuntungan dan caj bayaran lewat dari tarikh Ansuran Bulanan EP diposkan ke Akaun Kad Mastercard dan/atau Visa Pemegang Kad mengikut Terma-Terma dan SyaratSyarat Pemegang Kad. (b) Bank merizabkan hak untuk mengubah atau menukar caj kewangan/caj keuntungan , caj bayaran lewat, dengan memberikan Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

	kewangan/caj kemudahan , caj bayaran lewat, dengan memberikan Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.	
Klausa 11	Ansuran Bulanan EP membentuk sebahagian daripada bayaran minimum Pemegang Kad yang perlu dibayar dan adalah dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad. Dalam hal ini: i) CIMB 0% Easy Pay adalah pelan pembayaran balik/pembayaran bulanan 'faedah/caj kemudahan sifar'. Amaun setiap Ansuran Bulanan EP ditentukan pada masa CIMB 0% Easy Pay dimasuki, biasanya pada masa pembelian, atau seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Pemegang Kad, dan apabila Penyata dikeluarkan, Pemegang Kad boleh membuat (a) pembayaran penuh baki tertunggak yang tertera pada Penyata yang ditentukan oleh Bank atau (b) bayaran minimum yang perlu dibayar, pada atau sebelum tarikh matang pembayaran. ii) CIMB 0% Easy Pay adalah bebas daripada faedah/caj kemudahan hanya sekiranya Pemegang Kad menyelesaikan baki tertunggak sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang pembayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata. Sekiranya Pemegang Kad tidak menyelesaikan sepenuhnya mana-mana Ansuran Bulanan EP semasa dan apabila ansuran bulanan tersebut perlu dibayar, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas	Ansuran Bulanan EP membentuk sebahagian daripada bayaran minimum Pemegang Kad yang perlu dibayar dan adalah dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad. Dalam hal ini: i) CIMB 0% Easy Pay adalah pelan bayaran bulanan 'faedah/caj keuntungan sifar'. Amaun setiap Ansuran Bulanan EP ditentukan pada masa CIMB 0% Easy Pay dimasuki, biasanya pada masa pembelian, atau seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Pemegang Kad, dan apabila Penyata dikeluarkan, Pemegang Kad boleh membuat (a) pembayaran penuh baki tertunggak yang tertera pada Penyata yang ditentukan oleh Bank atau (b) bayaran minimum yang perlu dibayar, pada atau sebelum tarikh matang pembayaran. ii) CIMB 0% Easy Pay adalah bebas daripada faedah/caj keuntungan hanya sekiranya Pemegang Kad menyelesaikan baki tertunggak sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang pembayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata. Sekiranya Pemegang Kad tidak menyelesaikan sepenuhnya mana-mana Ansuran Bulanan EP semasa dan apabila ansuran bulanan tersebut perlu dibayar, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas caj kewangan/caj keuntungan ke atas baki tertunggak mengikut Terma-Terma dan SyaratSyarat Pemegang Kad. iv) Sebarang baki belum dibayar yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai pada Tarikh Matang hendaklah tertakluk

	caj kewangan/caj kemudahan ke atas baki tertunggak mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. iv) Sebarang baki belum dibayar yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai pada Tarikh Matang hendaklah tertakluk kepada caj kewangan/caj kemudahan / sehingga /pembayaran balik/pembayaran penuh baki tertunggak mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. v) Caj kewangan/caj kemudahan akan dikenakan ke atas baki bil yang masih tertunggak di dalam Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa Pemegang Kad dari tarikh penyata bulanan bulan sebelumnya yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai, yang akan dikira atas dasar baki harian.	kepada caj kewangan/caj keuntungan sehingga bayaran penuh baki tertunggak mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. v) Caj kewangan/caj keuntungan akan dikenakan ke atas baki bil yang masih tertunggak di dalam Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa Pemegang Kad dari tarikh penyata bulanan bulan sebelumnya yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai, yang akan dikira atas dasar baki harian.
Klausa 12	Pembayaran akan digunakan untuk menjelaskan baki tersebut (iaitu perkara yang tertera di dalam Penyata) yang menarik caj faedah/kemudahan tertinggi terlebih dahulu.	Pembayaran akan digunakan untuk menjelaskan baki tersebut (iaitu perkara yang tertera di dalam Penyata) yang menarik caj faedah/ keuntungan tertinggi terlebih dahulu.
Klausa 17	Sebagai tambahan kepada mana-mana hak Bank yang lain di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini, jika Pemegang Kad memungkirkan dan/atau mengingkari Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau terma-terma dan syarat-syarat ini atau sekiranya berlakunya pembatalan Kad atau penamatan Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa atau penutupan Akaun Kad MasterCard	Sebagai tambahan kepada mana-mana hak Bank yang lain di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini, jika Pemegang Kad memungkirkan dan/atau mengingkari Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau terma-terma dan syarat-syarat ini atau sekiranya berlakunya pembatalan Kad atau penamatan Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa atau penutupan Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa untuk apa-apa sebab, Bank merisabkan hak untuk menarik balik atau

	dan/atau Visa untuk apa-apa sebab, Bank merizabkan hak untuk menarik balik atau menggantungkan EP dan menuntut pembayaran semua Ansuran Bulanan EP yang tertunggak bersama dengan caj kewangan/ caj kemudahan terakru dan caj bayaran lewat, faedah/keuntungan dan semua wang lain di bawah EP termasuk amaun prinsipal yang belum dibilkan di bawah EP. Bank hendaklah berhak untuk mendebit jumlah sedemikian kepada Akaun Lain Pemegang Kad dan melaksanakan remedinya yang terdapat di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini dan di bawah undang undang.	menggantungkan EP dan menuntut pembayaran semua Ansuran Bulanan EP yang tertunggak bersama dengan caj kewangan/ caj keuntungan terakru dan caj bayaran lewat, faedah/ keuntungan dan semua wang lain di bawah EP termasuk amaun prinsipal yang belum dibilkan di bawah EP. Bank hendaklah berhak untuk mendebit jumlah sedemikian kepada Akaun Lain Pemegang Kad dan melaksanakan remedinya yang terdapat di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini dan di bawah undang undang.
Klausa 18 (ii)	sekiranya berlaku kegagalan dalam membayar caj kewangan/caj kemudahan dan/atau Ansuran Bulanan EP atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa; dan/atau	sekiranya berlaku kegagalan dalam membayar caj kewangan/caj keuntungan dan/atau Ansuran Bulanan EP atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa; dan/atau

Terima Kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Islamic Bank Berhad